



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang beralamat di Jajahan Bachok yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

BIL	BUTIRAN SEBUT HARGA	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	TARIKH MULA TAWARAN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
1.	No. Sebut Harga : MAIK 26/2026 Kerja-Kerja Baikpulih Bangunan Asrama Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan di Maahad Tahfiz Sains Al-Muhammadi, Bachok	Gred CIDB: G1 Kategori: B & CE Pengkhususan: B04 & CE21	06/05/2026 (Rabu)	18/05/2026 (Isnin) 12.00 Tengah Hari

1. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli dengan harga RM50.00 senaskah bermula pada **06/05/2026 (Rabu) di Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kompleks Islam Darulnaim, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan** pada waktu sebagaimana berikut :-

Ahad – Rabu : Jam 8.30 Pagi - 4.30 Petang
Khamis : Jam 8.30 Pagi - 3.00 Petang

2. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis **Nombor Sebut harga, Nama Sebut Harga dan Tarikh Tutup** serta dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **18/05/2026 (Isnin)** di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kompleks Islam Darulnaim, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra 15200 Kota Bharu, Kelantan.**
3. Lawat Tapak adalah tidak diwajibkan tetapi digalakkan.
4. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana tawaran yang dikemukakan serta tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah.